

Headline	20 kes remaja hamil luar nikah		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	07 Dec 2012	Color	Black/white
Section	Berita	Circulation	231,163
Page No	N4	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	120 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,218
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,655



20 kes remaja hamil luar nikah

Jabatan Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (JAIPs) mengesan 20 kes remaja hamil luar nikah sejak Januari hingga November lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri, Mansor Jusoh, berkata kerajaan negeri yang memandang serius isu berkenaan, melaksanakan pelbagai program bersama jabatan dan agensi kerajaan.

Sedia program kesedaran

Katanya, pelbagai usaha dilakukan termasuk program dan aktiviti bagi memberi kesedaran mengenai masalah kehamilan di usia remaja dan risiko jangkitan HIV akibat pergaulan bebas oleh Jabatan Kesihatan.

Ia dilaksanakan dengan meningkatkan kesedaran berkaitan reproduktif seksual yang disasarkan kepada pelajar sekolah, institusi pengajian tinggi (IPT) dan remaja dalam komuniti.

“Jabatan Kesihatan turut melakukan aktiviti intervensi di peringkat awal untuk remaja yang aktif seksual dengan mengadakan kaunseling.

“Saringan juga dijalankan untuk mengetahui status kesihatan remaja yang menerima tawaran belajar di IPT. Remaja hamil akan diberi penjagaan rapi dan dirujuk ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Unit Kerja Sosial Hospital Tuanku Fauziah, di sini,” katanya menjawab pertanyaan lisan Mat Hassan (BN-Kuala Perlis).

Mansor berkata, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) juga menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) bagi mengintegrasikan modul Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PKRS) ke dalam program PLKN.

Laksana PEKERTI

Katanya, menyedari pelajar perlu diberi pengetahuan mengenai bahaya risiko salah laku seks luar nikah, LPPKN dengan kerjasama Kementerian Pelajaran melaksanakan Projek Rintis Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) sebagai kokurikulum di sekolah untuk murid Tahun Enam, pelajar Tingkatan Tiga dan pelajar pendidikan khas di sekolah terpilih seluruh Malaysia.